

DERMASOLVE OINTMENT

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Tolnaftate (1.0%w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dermalolve Ointment
2. Bagaimana Dermalolve Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dermalolve Ointment
4. Cara mengguna Dermalolve Ointment
5. Semasa menggunakan Dermalolve Ointment
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Dermalolve Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dermalolve Ointment

Dermalolve Ointment digunakan untuk merawat jangkitan kulat pada kulit termasuk kurap pada kaki, celah paha, badan dan panau.

Bagaimana Dermalolve Ointment berfungsi

Dermalolve Ointment mengandungi Tolnaftate yang digunakan untuk rawatan jangkitan kulat kulit. Spektrum tindakannya merangkumi kulat khas yang bertanggungjawab terhadap pelbagai bentuk tinea dan jangkitan yis pada kulit.

Sebelum menggunakan Dermalolve Ointment

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengguna jika anda hipersensitiviti kepada Tolnaftate atau mana-mana bahan-bahan lain dalam produk ini.

- Sebelum mula mengguna

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau menyusukan anak.

Tidak disyorkan untuk digunakan pada bayi dan kanak-kanak kecil di bawah umur 2 tahun kecuali jika dinasihatkan oleh doktor.

- Jika mengguna ubat- ubatan lain

Tidak diketahui. Walau bagaimanapun penjagaan perlu diambil apabila

menggunakan bersama-sama dengan ubat-ubatan topikal lain kerana ubat-ubatan topikal lain boleh menjejaskan penyerapan atau keberkesanan aplikasi Tolnaftate.

Cara mengguna Dermalolve Ointment

- Berapa banyak harus digunakan

Bersihkan dan keringkan kawasan yang dijangkiti. Sapukan salap nipis pada kawasan yang dijangkiti dua kali sehari.

- Bila perlu diguna

Gunakannya ketika perlu.

- Berapa lama perlu diguna

Rawatan selama 2 minggu. Untuk mencegah berulang, terus rawatan selama 2 minggu selepas gejala hilang.

Sebanyak 4 hingga 6 minggu tempoh rawatan mungkin diperlukan. Tempoh rawatan yang lebih lama boleh berulang jika jangkitan berlaku. Tempoh rawatan yang lebih lama mungkin diperlukan untuk jangkitan kuku.

- Jika terlupa mengguna

Jika anda terlupa guna Dermalolve Ointment, gunakannya apabila anda teringat.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Overdos tidak mungkin berlaku. Sekiranya termakan secara tidak sengaja, pesakit perlu dihantar ke hospital yang terdekat untuk mendapatkan nasihat perubatan.

Semasa mengguna Dermalolve Ointment

- Perkara yang perlu dilakukan

Periksa dengan doktor anda jika simptom berlarutan atau bertambah teruk.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan guna Dermalolve Ointment untuk keadaan lain kecuali diarahkan oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Tolnaftate biasanya diterima dengan baik. Kadang-kadang, gatal-gatal atau kemerahan boleh berlaku di kawasan aplikasi. Sekiranya anda melihat apa-apa gejala, hentikan penggunaan dan beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Kesan Sampingan

Kadang-kala, gatal-gatal atau kemerahan boleh berlaku pada kawasan aplikasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF or Vaccines (AEFI))).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Dermalolve Ointment

- Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

- Pelupusan

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Dermalolve Ointment salap putih tidak berminyak.

- Bahan-bahan

Bahan-bahan aktif
Tolnaftate 1.0%w/w

Bahan-bahan tidak aktif
Cetomacrogol Emulsifying Wax, Hard Paraffin, Cetosteary Alcohol, White Soft Paraffin, Lamellar Gel System, Polyxyl 40 Hydrogenated Castor Oil, Hydrogenated Polyisobutene, Butylated Hydroxytoluene, Isopropyl Myristate, Propylene Glycol, N-Methylpyrrolidone, Benzyl Alcohol, Menthol.

- MAL Number:

MAL08021518X

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

WINWA MEDICAL SDN. BHD.
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,
Taman I.K.S. Bukit Minyak,
14000 Bukit Mertajam,
Pulau Pinang, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

22/5/2018

Nombor siri:

NPRA(R4/1)150518/00148